




KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK



# MODUL KENYALANG CEMERLANG SPM 2023

## MATEMATIK TAMBAHAN

SEKTOR  
PEMBELAJARAN

**Tinta Bicara**  
Timbalan Pengarah  
Sektor Pembelajaran



KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK

Salam Sejahtera,  
Salam Menjulung Pendidikan Negeri Sarawak  
Salam Malaysia Madani  
Fly Kenyalang Fly, Fly High

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah di atas terbitnya Modul Kenyalang Cemerlang SPM 2023 pada tahun ini. Sesungguhnya kerja buat yang dilaksanakan ini bukan hanya dari jabatan ini tetapi semua mereka yang terlibat khususnya guru-guru cemerlang, guru-guru pakar mata pelajaran dan guru-guru kanan mata pelajaran yang bertungkus lumus dalam memastikan Modul Kenyalang Cemerlang SPM 2023 ini disiapkan mengikut kualiti yang ditetapkan.

Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak telah mendapat maklum balas yang positif dari kalangan guru dan murid berkenaan Modul Kenyalang Cemerlang SPM 2022. Penggunaan modul tersebut sebagai instrumen persediaan sebelum murid menduduki SPM merupakan matlamat utama jabatan untuk meningkatkan kemajuan murid dan seterusnya meningkatkan peratusan layak sijil SPM yang telah meningkat pada tahun 2021 daripada 88.29% kepada 91.22% pada tahun 2022.

Saya percaya dengan terbitnya modul ini guru-guru dan murid-murid terutamanya calon SPM tahun 2023 dapat memanfaatkan modul ini sebagai modul rujukan dalam menjawab SPM nanti. Jabatan ini juga berharap Modul Kenyalang Cemerlang SPM dapat dikongsi bersama-sama dalam kalangan panitia mata pelajaran di seluruh negara khususnya dalam memahami teknik menjawab soalan pelbagai aras yang dikemukakan. Sebaiknya modul ini dapat dikongsi bersama bagi memastikan modul ini sentiasa meniti dari bibir ke bibir guru-guru di seluruh Malaysia.

Tahniah kepada para pegawai di Sektor Pembelajaran yang sama-sama menyelaras bagi memastikan modul ini dapat disiapkan dalam masa yang ditetapkan. Saya berharap dengan usaha gigih ini akan membuahkan hasil yang lebih baik lagi dalam kita menghitung hari menjelang SPM 2023 nanti.

**Selamat Maju Jaya,  
Tingkatkan Prestasi untuk Pendidikan yang  
Berkualiti**

*Fly Kenyalang Fly, Fly High*

**Dr. LES ANAK MET**  
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak



### SENARAI KANDUNGAN

Bil	Perkara	Muka surat
1	<b>Senarai Kandungan</b>	2
2	<b>Senarai AJK</b>	3 - 5
3	<b>Format Kertas Peperiksaan SPM Mulai Tahun 2021</b>	6
4	<b>Latihan - Praktis Matematik Tambahan 3472/1 Set 1 Kertas 1</b>	7 – 29
5	<b>Latihan - Praktis Matematik Tambahan 3472/2 Set 1 Kertas 2</b>	30 – 54
6	<b>Latihan - Praktis Matematik Tambahan 3472/1 Set 2 Kertas 1</b>	55 – 80
7	<b>Latihan - Praktis Matematik Tambahan 3472/2 Set 2 Kertas 2</b>	81 – 103
8	<b>Skema Jawapan / Pemarkahan</b> Praktis Matematik Tambahan 3472/1: Set 1 Kertas 1 Praktis Matematik Tambahan 3472/2: Set 1 Kertas 2 Praktis Matematik Tambahan 3472/1: Set 2 Kertas 1 Praktis Matematik Tambahan 3472/2: Set 2 Kertas 2	104 – 113 114 – 123 124 – 132 133 – 143
9	<b>LAMPIRAN: Sampel Jadual Spesifikasi Ujian (JSU) untuk</b> Praktis Matematik Tambahan 3472/1: Kertas 1 Praktis Matematik Tambahan 3472/2: Kertas 2	144 145 – 152 153 – 158

**PENYELARAS**  
**EN. HELMI BIN SAINI**  
**EN MOHAMAD MAHATHIR BIN**  
**SHAMSULBAHRI**

**SEKTOR PEMBELAJARAN**  
**JABATAN PENDIDIKAN SARAWAK**

**SENARAI NAMA UNTUK PANEL PENGUBAL JSU**

**PENASIHAT:**  
**SUSAN CHOW LI NA**  
**[PPD PADAWAN]**

<b>Bil</b>	<b>Nama Penuh</b>	<b>Sekolah</b>	<b>Daerah</b>
1	FELICIA WONG HIE PHING [Ketua]	SMK BATU KAWA	KUCHING
2	NORHAYATI BINTI MAHSEN [Penolong]	SM SAINS KUCHING	PADAWAN
3	DAYANG ANNURIZA BT AWG MOHD SAPUANI	SMK ST TERESA KUCHING	KUCHING
4	LINA FUNG BINTI MOHAMMAD	SMK SEMERAH PADI	KUCHING
5	CHAI LEE FAH	SMK GREEN ROAD	KUCHING
6	CHUA HUEY JUAN	SMK ST JOSEPH	KUCHING
7	BONG TZER WEI	SMK SG MAONG	KUCHING
8	VOON CHUI KHIM	KOLEJ DATU PATINGGI ABANG HAJI ABDILLAH	PADAWAN

**SENARAI NAMA UNTUK PANEL PENGGUBAL  
MODUL KENYALANG CEMERLANG**

**PENASIHAT:**  
HII LU KONG  
[PPD SUBIS]

**EDITOR:**  
TIAW KAH FOOK  
[SMK JULAU NO. 2]

**Kertas 1**

<b>BIL</b>	<b>NAMA GURU</b>	<b>SEKOLAH</b>	<b>PPD</b>
1	TAN PACK LANG [Ketua]	SMK BANDAR SIBU	SIBU
2	WENDY TIONG MEE ING	SMK ST ANTHONY	SARIKEI
3	LAU LANG ING	SMK BANDAR BINTULU	BINTULU
4	LAU CHIEW ING	SMK KIDURONG	BINTULU
5	CALEB LING DUONG HAN	SMK KUBONG	LIMBANG
6	CARINA WONG HUI MING	SMK CHUNG HUA	MIRI
7	JUSTIN NGO JIN POH	SMK SACRED HEART	SIBU
8	JARNICE LING YEE CHING	SMK CHUNG HUA	SIBU
9	PUVANESWARAN A/L VIKNEES BARAN	SMK BARU BINTULU	BINTULU



**Kertas 2**

<b>BIL</b>	<b>NAMA GURU</b>	<b>SEKOLAH</b>	<b>PPD</b>
1	NGU LEH CHUONG [Ketua]	SMK ST ANTHONY	SARIKEI
2	CHIU PIK CHUNG	SMK SIBU JAYA	SIBU
3	IRENE HII YII HOON	SMK ST ELIZABETH	SIBU
4	BERNARD LING YEE JUAN	SMK METHODIST	SIBU
5	LING SIEW ING	SMK BUKIT ASSEK	SIBU
6	CHIENG HUI YING	KOLEJ TUANKU BUJANG	MIRI
7	TONG SIEW PING	SMK TIONG HIN	SIBU
8	WONG HOON KING	SMK LOPENG TENGH	MIRI



**FORMAT INSTRUMEN PEPERIKSAAN SPM MULAI TAHUN  
2021 MATA PELAJARAN MATEMATIK TAMBAHAN  
(3472)**

<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Kertas 1 (3472/1)</b>	<b>Kertas 2 (3472/2)</b>
<b>1</b>	<b>Jenis instrumen</b>	Ujian Bertulis	
<b>2</b>	<b>Jenis item</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Subjektif Respons Terhadap</li> <li>• Subjektif Respons Terhadap Berstruktur</li> </ul>	
<b>3</b>	<b>Bilangan soalan</b>	<p><b>Bahagian A</b> 12 soalan (64 markah) (Jawab <b>semua</b> soalan)</p> <p><b>Bahagian B</b> 3 soalan (16 markah) (Jawab <b>dua</b> soalan)</p>	<p><b>Bahagian A</b> 7 soalan (50 markah) (Jawab <b>semua</b> soalan)</p> <p><b>Bahagian B</b> 4 soalan (30 markah) (Jawab <b>tiga</b> soalan)</p> <p><b>Bahagian C</b> 4 soalan (20 markah) (Jawab <b>dua</b> soalan)</p>
<b>4</b>	<b>Jumlah Markah</b>	80	100
<b>5</b>	<b>Konstruk</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengingat &amp; Memahami</li> <li>• Mengaplikasi</li> <li>• Menganalisis</li> <li>• Menilai</li> <li>• Mencipta</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengingat &amp; Memahami</li> <li>• Mengaplikasi</li> <li>• Menganalisis</li> <li>• Menilai</li> <li>• Mencipta</li> </ul>
<b>6</b>	<b>Tempoh Ujian</b>	2 jam	2 jam 30 minit
<b>7</b>	<b>Cakupan Konstruk</b>	Standard kandungan dan standard pembelajaran dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSM (Tingkatan 4 dan Tingkatan 5)	
<b>8</b>	<b>Aras Kesukaran</b>	Rendah : Sederhana : Tinggi 5 : 3 : 2	
<b>9</b>	<b>Kaedah Penskoran</b>	Analitik	
<b>10</b>	<b>Alatan Tambahan</b>	Kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogram	



# **KERTAS MODEL SET 1**



NO. KAD PENGENALAN       -   -

KERTAS

1

ANGKA GILIRAN

MODEL

**MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**

**ADDITIONAL MATHEMATICS**

**3472/1**

**Kertas 1**

**2 jam**

**Dua jam**

1. Kertas peperiksaan ini adalah dalam dwibahasa.
2. Soalan dalam bahasa Melayu mendahului soalan yang sepadan dalam bahasa Inggeris.

**MAKLUMAT UNTUK CALON  
INFORMATION FOR CANDIDATES**

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **15** soalan.  
*This question paper consists of 15 questions.*
2. Jawab **semua** soalan dalam **Bahagian A** dan mana-mana **dua** soalan daripada **Bahagian B**.  
*Answer all the questions in Section A and any two questions from Section B.*
3. Tulis jawapan anda dalam ruang yang disediakan dalam kertas peperiksaan.  
*Write your answer in the spaces provided in the question paper.*
4. Tunjukkan langkah-langkah penting dalam kerja mengira anda. Ini boleh membantu anda mendapatkan markah.  
*Show your working. It may help you to get marks.*
5. Rajah yang mengiringi soalan tidak dilukis mengikut skala kecuali dinyatakan.  
*The diagrams provided in the questions are not drawn to scale unless stated.*
6. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.  
*You may use a scientific calculator.*

<i>Untuk Kegunaan Pemeriksa</i>			
<b>Kod Pemeriksa:</b>			
<b>Bahagian</b>	<b>Soalan</b>	<b>Markah Penuh</b>	<b>Markah diperoleh</b>
<b>A</b>	<b>1</b>	2	
	<b>2</b>	4	
	<b>3</b>	5	
	<b>4</b>	6	
	<b>5</b>	5	
	<b>6</b>	5	
	<b>7</b>	6	
	<b>8</b>	7	
	<b>9</b>	6	
	<b>10</b>	6	
	<b>11</b>	7	
	<b>12</b>	5	
<b>B</b>	<b>13</b>	8	
	<b>14</b>	8	
	<b>15</b>	8	
<b>Jumlah</b>		<b>80</b>	

**PRAKTIS MATEMATIK TAMBAHAN 3472/1**  
**SET 1 KERTAS 1**

**Bahagian A**

[64 markah]

Jawab **semua** soalan

1.

Diberi  $\frac{d}{dx} \left( \frac{3x^2}{2x+1} \right) = \frac{6x^2 + 6x}{(2x+1)^2}$  dan  $\int_0^2 \frac{x(x+1)}{(2x+1)^2} dx = 2a$ , cari nilai  $a$ .

Given that  $\frac{d}{dx} \left( \frac{3x^2}{2x+1} \right) = \frac{6x^2 + 6x}{(2x+1)^2}$  and  $\int_0^2 \frac{x(x+1)}{(2x+1)^2} dx = 2a$ , find the value of  $a$ .


[2 markah]

[2 marks]

Jawapan / Answer:

2. Rajah 1 menunjukkan garis lurus penyuaiian terbaik yang diperoleh dengan memplot  $\ln y$  melawan  $\ln x$ .

*Diagram 1 shows the line of best fit obtained by plotting the graph of  $\ln y$  against  $\ln x$ .*



Rajah 1  
Diagram 1

Pemboleh ubah  $x$  dan  $y$  dihubungkan oleh persamaan  $\ln y = n \ln x + p$ , dengan keadaan  $n$  dan  $p$  ialah pemalar.

*The variables  $x$  and  $y$  are related by the equation  $\ln y = n \ln x + p$ , such that  $n$  and  $p$  are constants.*

- (a) Cari nilai  $n$ .

*Find the value of  $n$ .*

[1 markah]

[1 mark]

- (b) Ungkapkan  $y$  dalam sebutan  $x$ .

*Express  $y$  in terms of  $x$ .*

[3 markah]

[3 marks]

Jawapan / Answer:

3. (a) Diberi bahawa  $f(x) = \frac{3x-5}{2x}$ ,  $x \neq 0$ . Cari objek bagi  $f(x)$  jika imejnya ialah 4.

[2 markah]

*It is given that  $f(x) = \frac{3x-5}{2x}$ ,  $x \neq 0$ . Find the object of  $f(x)$  if the image is 4.*

[2 marks]

- (b) Rajah 2 menunjukkan graf bagi fungsi  $g(x) = |2x - 4|$  untuk domain  $0 \leq x \leq 7$ .

*Diagram 2 shows the graph of the function  $g(x) = |2x - 4|$  for the domain  $0 \leq x \leq 7$ .*




Diagram 2

Tentukan nilai bagi  $a$ ,  $b$  dan  $c$ .

*Determine the values of  $a$ ,  $b$  and  $c$ .*


[3 markah]

[3 marks]

Jawapan / Answer:

4. Rajah 3 menunjukkan sebuah sektor  $OAB$  dengan pusat pada  $O$  yang mempunyai jejari 6 cm dan  $\angle AOB = \frac{\pi}{3}$  rad.  $OC$  ialah pembahagi dua sama sudut bagi  $\angle AOB$  dan  $P$  ialah titik tengah bagi  $OC$ .

*Diagram 3 shows a sector  $OAB$  with the centre  $O$  that has a radius of 6 cm and  $\angle AOB = \frac{\pi}{3}$  rad.  $OC$  is bisector of  $\angle AOB$  and  $P$  is the midpoint of  $OC$ .*



Rajah 3  
Diagram 3

Panjang lengkok  $DE$  ialah lengkok bagi bulatan yang dilukis berpusat  $P$  yang menemui  $OA$  dan  $OB$  masing-masing pada titik  $D$  dan  $E$ .

*Arc  $DE$  of a circle drawn with the centre  $P$  to meet  $OA$  and  $OB$  at point  $D$  and  $E$  respectively.*

- (a) Cari, dalam radian, bagi  $\angle OPD$ . [2 markah]  
*Find, in radians, of  $\angle OPD$ .* [2 marks]
- (b) Hitung, dalam  $\text{cm}^2$ , bagi luas kawasan berlorek. [4 markah]  
*Calculate, in  $\text{cm}^2$ , of the shaded region.* [4 marks]

Jawapan / *Answer*:

5. (a) Diberi  ${}^x C_5 = \frac{x!}{5 \times 4 \times 3 \times 3 \times 2 \times 2 \times 1 \times 1}$ , tentukan nilai  $x$ . [2 markah]  
 Given that  ${}^x C_5 = \frac{x!}{5 \times 4 \times 3 \times 3 \times 2 \times 2 \times 1 \times 1}$ , determine the value of  $x$ . [2 marks]
- (b) Cari nilai  $n$  jika  ${}^n C_2 = 10$ . [3 markah]  
 Find the value of  $n$  if  ${}^n C_2 = 10$ . [3 marks]

Jawapan / Answer:

6. (a) Cari bilangan cara susunan berbeza yang mungkin bagi semua huruf dalam perkataan BERDIKARI jika huruf vokal sentiasa bersama. [2 markah]  
*Calculate number of ways to arrange the letters from the word BERDIKARI if the vowels are always together.* [2 marks]
- (b) Haslina mempunyai  $n$  keping kad di mana setiap kad telah ditulis dengan satu huruf. Huruf-huruf tersebut tidak berulang. Setelah Haslina menyusun kad-kad tersebut untuk membentuk kod dua huruf, dia mendapati terdapat 42 kod yang berbeza dapat dibentuk. Hitung nilai  $n$ . [3 markah]  
*Haslina has  $n$  cards. Each of the cards is written with a letter. The letters are not repeated. After Haslina arranges the cards to form two-letter codes, she found that 42 different codes have been formed.*  
*Calculate the value of  $n$ .* [3 marks]

Jawapan / Answer:




7. (a) Satu garis lurus menyalang  $(h, 0)$  pada paksi- $x$  dan  $(0, k)$  pada paksi- $y$ . Garis tersebut melalui titik  $\left(1, \frac{3}{2}\right)$  dan hasil darab  $hk = -2$ . Tentukan persamaan garis lurus yang mungkin. [2 markah]

*A straight line intersects  $(h, 0)$  on the  $x$ -axis and  $(0, k)$  on the  $y$ -axis. The line passes through the point  $\left(1, \frac{3}{2}\right)$  and the product of  $hk = -2$ . Determine the possible equations of the line.* [2 marks]

- (b) Rajah 4 menunjukkan titik  $A, B$  dan  $C$  yang merupakan bucu-bucu kepada sebuah segi tiga atas suatu satah Cartes.

*Diagram 4 shows the points  $A, B$  and  $C$  are the vertices of a triangle on a Cartesian plane.*



Rajah 4  
Diagram 4

Buktikan bahawa rumus luas segi tiga  $ABC$  ialah


$$\frac{1}{2} |(x_1y_2 + x_2y_3 + x_3y_1) - (x_2y_1 + x_3y_2 + x_1y_3)| \quad [4 \text{ markah}]$$

*Prove that the formula of the area of the triangle  $ABC$  is*

$$\frac{1}{2} |(x_1y_2 + x_2y_3 + x_3y_1) - (x_2y_1 + x_3y_2 + x_1y_3)| \quad [4 \text{ marks}]$$

Jawapan / *Answer*:

8. Rajah 5 menunjukkan sebuah troli yang berbentuk trapezium.  
 Diagram 5 shows a trolley which is in a trapezium shaped.



Rajah 5  
 Diagram 5

Encik Rahman ingin menghantar biskut ke kedai serbaneka dengan troli. Baris pertama boleh meletakkan 8 pek biskut, baris seterusnya bertambah sebanyak 3 pek biskut, setiap pek biskut menepati isi padu dengan dimensi 50 cm x 5 cm x 5 cm. Troli itu boleh memuatkan jumlah isi padu sebanyak 0.3675 m<sup>3</sup>.

*Mr Rahman want to send biscuits to the departmental store with the trolley. The first row can put 8 packs of biscuits, the next row increases by 3 pack of biscuits, every pack of biscuit occupies a volume with a dimension of 50 cm x 5 cm x 5 cm. The trolley can occupy a total volume of 0.3675 m<sup>3</sup>.*

- (a) Berapa banyak baris pek biskut yang dapat disimpan dalam troli? [4 markah]  
*How many rows of pack of biscuits can he put in the trolley? [4 marks]*
- (b) Seorang pelanggan ingin membeli biskut itu dan meminta Encik Rahman memasukkan dalam kotak untuk dihantar kepadanya. Kotak itu bersaiz 50 cm x 5 cm x 50 cm. Dia menggunakan perkhidmatan kurier untuk menghantar barang kepadanya. Kadar perkhidmatan kurier adalah seperti berikut:

*A customer wants to buy the biscuits and asks Mr. Rahman to put in boxes to send to her. The box is in the dimension of 50 cm x 5 cm x 50 cm. He uses the courier service to send the goods to her. The rates of the courier service are as follow:*

Isipadu <i>Volume</i>	Untuk 3 m <sup>3</sup> pertama <i>For the first 3 m<sup>3</sup></i>	Setiap 1 m <sup>3</sup> berikutnya <i>Every subsequent 1 m<sup>3</sup></i>
Kadar <i>Charge</i>	Bermula dari RM 500 <i>Start from RM 500</i>	RM 320

Pelanggan tersebut membeli 8 880 pek biskut. Berapa kadar caj, dalam RM, yang perlu dibayar untuk perkhidmatan kurier?

[3 markah]

*The customer buys 8 880 pack of biscuits. How much charges, in RM, do the customer need to pay for the courier service?*

[3 marks]

Jawapan / *Answer*:

9. (a) Populasi sesebuah negara boleh dianggarkan menggunakan model pertumbuhan,

$P = A \left(1 + \frac{k}{100}\right)^t$  dengan  $P$  ialah populasi yang dijangkakan,  $A$  ialah populasi tahun 2010,  $k$  ialah kadar pertumbuhan dan  $t$  ialah bilangan tahun selepas tahun 2010. Populasi negara tersebut pada tahun 2010 ialah kira-kira 50 juta. Andaikan populasi ini bertambah pada kadar 5% setiap tahun, anggarkan populasi negara tersebut pada tahun 2035. [3 markah]

*The population of a country can be estimated with the growth model,*

$P = A \left(1 + \frac{k}{100}\right)^t$  where  $P$  is the expected population,  $A$  is the population in year 2010,  $k$  is the growth rate and  $t$  is the number of years after 2010. The population of this country in 2010 was approximately 50 million. Assuming that this population increases with a rate of 5% each year, estimate the population of the country in the year 2035. [3 marks]

- (b) Buktikan bahawa  $4^{n+2} - 4^n + 64(4^{n-2})$  boleh dibahagi tepat dengan 19 bagi semua integer  $n$ . [3 markah]

*Show that  $4^{n+2} - 4^n + 64(4^{n-2})$  is divisible by 19 for all positive integers of  $n$ .*

[3 marks]

Jawapan / Answer:

10. Satu garis lurus melalui titik  $A(3, 1)$  dan selari dengan vektor  $4\underline{i} + 3\underline{j}$ .

*A straight line passing through the point  $A(3, 1)$  and parallel with the vector  $4\underline{i} + 3\underline{j}$ .*

(a) Jika vektor kedudukan bagi sebarang titik  $P$  di atas garis lurus tersebut ialah  $\underline{p}$ , tunjukkan  $\underline{p} = 3\underline{i} + \underline{j} + \lambda(4\underline{i} + 3\underline{j})$ . [2 markah]

*If the position vector of any point  $P$  on the straight line is  $\underline{p}$ , show that  $\underline{p} = 3\underline{i} + \underline{j} + \lambda(4\underline{i} + 3\underline{j})$ .* [2 marks]

(b) i) Cari nilai  $\lambda$  dengan keadaan  $\overrightarrow{OP}$  adalah berserenjang dengan garis lurus tersebut.

*Find the value of  $\lambda$  such that  $\overrightarrow{OP}$  is perpendicular to the straight line.*

[2 markah]

[2 marks]

ii) Seterusnya, cari panjang  $\overrightarrow{OP}$ .

*Hence, find the length of  $\overrightarrow{OP}$ .*

[2 markah]

[2 marks]

Jawapan / Answer:


11. (a) Di sebuah kawasan perumahan, 28% daripada penduduk adalah remaja. Jika sisihan piawai bagi bilangan remaja itu ialah  $12\sqrt{14}$ , hitung bilangan penduduk di kawasan perumahan tersebut. [2 markah]

*In a housing area, 28% of the residents are teenagers. If the standard deviation of the number of teenagers is  $12\sqrt{14}$ , calculate the number of residents in the housing area.*

[2 marks]

- (b) Kebarangkalian jangka hayat bagi sejenis motosikal berjenama  $M$  kurang dari 15 tahun ialah  $p$ . Satu sampel 4 unit motosikal dipilih secara rawak dan Rajah 6 menunjukkan taburan kebarangkalian bagi pemboleh ubah rawak  $X$  yang mewakili bilangan motosikal yang mempunyai jangka hayat kurang daripada 15 tahun.

*The probability that the lifespan of a certain  $M$  branded motorcycle less than 15 years is  $p$ . A sample of 4 units of motorcycles is chosen at random and Diagram 6 shows the probability distribution for the random variable  $X$  which represents the number of motorcycles with lifespan less than 15 years.*




Rajah 6  
Diagram 6

- (i) Cari nilai  $p$ . [3 markah]  
*Find the value of  $p$ .* [3 marks]
- (ii) Jika 3 unit motosikal lagi ditambah secara rawak ke dalam sampel motosikal ini, cari  $P(X \geq 1)$ . [2 markah]  
*If 3 more units of motorcycles are added at random into this motorcycles sample, find  $P(X \geq 1)$ .* [2 marks]

Jawapan / *Answer*:



12. Rajah 7 menunjukkan sebuah silinder dengan diameter  $5\sqrt{12} - 4\sqrt{8}$  dan tinggi  $h$  cm.  
 Diagram 7 shows a cylinder with a diameter  $5\sqrt{12} - 4\sqrt{8}$  and with a height of  $h$  cm.



Rajah 7  
 Diagram 7

Jumlah luas permukaan silinder ialah  $2\pi(143 - 41\sqrt{6})$   $\text{cm}^2$ .

Cari nilai  $h$  dalam bentuk  $a\sqrt{2} + b\sqrt{3}$ , dengan keadaan  $a$  dan  $b$  adalah integer.

[5 markah]

The total surface area of cylinder is  $2\pi(143 - 41\sqrt{6})$   $\text{cm}^2$ .

Find the value of  $h$  in the forms of  $a\sqrt{2} + b\sqrt{3}$ , with the condition  $a$  and  $b$  are constants.

[5 marks]


Jawapan / Answer:

**BAHAGIAN B**

[16 markah]

Bahagian ini mengandungi **tiga** soalan. Jawab **dua** soalan.

13. Rajah 8 menunjukkan graf  $y = (x - \alpha)(x - \beta)$ , dengan keadaan  $\alpha < \beta$ .  
*Diagram 8 shows the graph of  $y = (x - \alpha)(x - \beta)$ , such that  $\alpha < \beta$ .*



Rajah 8  
 Diagram 8


Graf ini memotong paksi- $x$  di titik  $A$  dan titik  $B$  paksi- $y$  di titik  $C$ .

*The graph cuts the  $x$ -axis at  $A$  and  $B$  and the  $y$ -axis at  $C$ .*

- (a) Ungkapkan koordinat, dalam sebutan  $\alpha$  dan  $\beta$ , bagi titik  $A, B$  dan  $C$ . [2 markah]  
*Express the coordinates, in terms of  $\alpha$  and  $\beta$ , of points  $A, B$  and  $C$ . [2 marks]*
- (b) Jika ungkapan  $(x - \alpha)(x - \beta) + k$  sentiasa positif, cari julat nilai pemalar  $k$ . [2 markah]  
*If the expression  $(x - \alpha)(x - \beta) + k$  is always positive, find the range of values of the constant  $k$ . [2 marks]*
- (c) Diberikan  $\alpha = -\frac{1}{2}$  dan  $\beta = \frac{5}{4}$ , cari koordinat titik pusingan bagi lengkung dengan menukarkan persamaan lengkung kepada bentuk verteks. Nyatakan koordinat titik maksimum lengkung  $y = |(x - \alpha)(x - \beta)|$  dan lakarkan lengkung  $y = |(x - \alpha)(x - \beta)|$ . [4 markah]  
*Given  $\alpha = -\frac{1}{2}$  and  $\beta = \frac{5}{4}$ , find the coordinates of the turning point of the curve by converting the equation into vertex form. State the coordinates of the maximum point of the curve  $y = |(x - \alpha)(x - \beta)|$  and sketch the curve  $y = |(x - \alpha)(x - \beta)|$ . [4 marks]*

Jawapan / *Answer*:

14. Rajah 9 menunjukkan sebuah kon diisi penuh dengan air.  
 Diagram 9 shows a cone fully filled with water.



Rajah 9  
 Diagram 9

Air mengalir keluar dari puncak kon akibat kebocoran ke dalam silinder sehingga paras air dalam silinder meningkat pada kadar malar  $0.2 \text{ cm s}^{-1}$ . Jejari silinder dan kon adalah 10 cm manakala ketinggian kon adalah 12 cm.

*Water flows from the vertex of the cone due to leakage into the cylinder such that the water level in the cylinder is increasing at a constant rate of  $0.2 \text{ cm s}^{-1}$ . Radius of the cylinder and cone are 10 cm while the height of the cone is 12 cm.*

- (a) Cari kadar perubahan ketinggian air dalam kon itu apabila paras air dalam kon itu adalah separuh daripada ketinggian asalnya. [6 markah]  
*Find the rate at which the height of water in the cone is changing when the level of water in the cone is half of its original height.* [6 marks]
- (b) Cari perubahan kecil bagi isi padu air apabila ketinggian air dalam silinder meningkat daripada 5 cm hingga 5.01 cm. [2 markah]  
*Find the approximate change of volume of water when the height of water of cylinder increases from 5 cm to 5.01 cm.* [2 marks]

Jawapan / *Answer*:

15. (a) Buktikan  $\sin^2 x + \cos^2 x = 1$ . [2 markah]  
 Prove that  $\sin^2 x + \cos^2 x = 1$ . [2 marks]

- (b) Diberi  $P = \sin^{-1}\left(\frac{1}{\sqrt{10}}\right)$  dan  $Q = \tan^{-1}\left(\frac{1}{2}\right)$ , dengan keadaan  $P$  dan  $Q$  ialah sudut tirus,

Given that  $P = \sin^{-1}\left(\frac{1}{\sqrt{10}}\right)$  and  $Q = \tan^{-1}\left(\frac{1}{2}\right)$ , where  $P$  and  $Q$  are acute angle,

- (i) cari nilai bagi kos  $2P$ .  
 find the value of  $\cos 2P$ .
- (ii) tunjukkan bahawa  $P + Q = \frac{\pi}{4}$ .

show that  $P + Q = \frac{\pi}{4}$ .

[4 markah]  
 [4 marks]

- (c) Selesaikan persamaan trigonometri  $\sin x = -\frac{1}{2} \tan x$  bagi  $0^\circ < x < 360^\circ$ .

[2 markah]

Solve the trigonometric equation  $\sin x = -\frac{1}{2} \tan x$  for  $0^\circ < x < 360^\circ$ .

[2 marks]

Jawapan / Answer:

NO. KAD PENGENALAN       -   -

KERTAS

1

ANGKA GILIRAN

MODEL

**MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**

**ADDITIONAL MATHEMATICS**

**3472/2**

**Kertas 2**

**2 jam 30 minit**

**Dua jam tiga puluh minit**

1. Kertas peperiksaan ini adalah dalam dwibahasa.
2. Soalan dalam bahasa Melayu mendahului soalan yang sepadan dalam bahasa Inggeris.

**MAKLUMAT UNTUK CALON  
INFORMATION FOR CANDIDATES**

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **15** soalan.  
*This question paper consists of 15 questions.*
2. Jawab **semua** soalan dalam **Bahagian A**, mana-mana **tiga** soalan daripada **Bahagian B** dan mana-mana **dua** soalan daripada **Bahagian C**.  
*Answer all the questions in Section A, any three questions from Section B and any two questions from Section C.*
3. Tulis jawapan anda dalam ruang yang disediakan dalam kertas peperiksaan.  
*Write your answer in the spaces provided in the question paper.*
4. Tunjukkan langkah-langkah penting dalam kerja mengira anda. Ini boleh membantu anda mendapatkan markah.  
*Show your working. It may help you to get marks.*
5. Rajah yang mengiringi soalan tidak dilukis mengikut skala kecuali dinyatakan.  
*The diagrams provided in the questions are not drawn to scale unless stated.*
6. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.  
*You may use a scientific calculator.*

<i>Untuk Kegunaan Pemeriksa</i>			
<b>Kod Pemeriksa:</b>			
<b>Bahagian</b>	<b>Soalan</b>	<b>Markah Penuh</b>	<b>Markah diperoleh</b>
<b>A</b>	<b>1</b>	5	
	<b>2</b>	6	
	<b>3</b>	8	
	<b>4</b>	7	
	<b>5</b>	8	
	<b>6</b>	9	
	<b>7</b>	7	
<b>B</b>	<b>8</b>	10	
	<b>9</b>	10	
	<b>10</b>	10	
	<b>11</b>	10	
<b>C</b>	<b>12</b>	10	
	<b>13</b>	10	
	<b>14</b>	10	
	<b>15</b>	10	
<b>Jumlah</b>		<b>100</b>	

**PRAKTIS MATEMATIK TAMBAHAN 3472/2**

**SET 1 KERTAS 2**


**Bahagian A**

[50 markah]

Jawab semua soalan.

1. Dalam Rajah 1, fungsi  $f$  memetakan set  $A$  kepada set  $B$  dan fungsi  $g$  memetakan set  $B$  kepada set  $C$ .

*In Diagram 1, the function  $f$  maps set  $A$  to set  $B$  and the function  $g$  maps set  $B$  set  $C$ .*



Rajah 1  
Diagram 1

Cari

Find

dalam sebutan  $x$ , fungsi  
in term of  $x$ , the function

- (a) yang memetakan set  $B$  kepada set  $A$ .  
which maps set  $B$  to set  $A$ .

[2 markah]  
[2 marks]

- (b)  $g(x)$ .

[3 markah]  
[3 marks]

Jawapan / Answer:



2. (a) Tunjukkan bahawa  $\log_p(px - 1) - 4 \log_{p^2} x^2 + 3 \log_p x = \log_p \left( \frac{px-1}{x} \right)$ . [3 markah]  
*Show that  $\log_p(px - 1) - 4 \log_{p^2} x^2 + 3 \log_p x = \log_p \left( \frac{px-1}{x} \right)$ .* [3 marks]
- (b) Seterusnya, jika  $p = 3$  dan  $\log_p(px - 1) - 4 \log_{p^2} x^2 + 3 \log_p x = -1$ , cari nilai  $x$ . [3 markah]  
*Hence, if  $p = 3$  and  $\log_p(px - 1) - 4 \log_{p^2} x^2 + 3 \log_p x = -1$ , find the value of  $x$ .* [3 marks]

Jawapan / Answer:

3. (a) Buktikan  $\sqrt{a\sqrt{a\sqrt{a\sqrt{a}}}} = a^{\frac{1}{2}+\frac{1}{4}+\frac{1}{8}+\frac{1}{16}}$  [4 markah]

Prove that  $\sqrt{a\sqrt{a\sqrt{a\sqrt{a}}}} = a^{\frac{1}{2}+\frac{1}{4}+\frac{1}{8}+\frac{1}{16}}$  [4 marks]

(b) Maka, cari nilai untuk  $\sqrt{2\sqrt{2\sqrt{2\sqrt{2}}}}$  [4 markah]

Hence, find the value of  $\sqrt{2\sqrt{2\sqrt{2\sqrt{2}}}}$  [4 marks]

Jawapan / Answer:

4. (a) Suatu lengkung diwakili oleh persamaan  $y = \frac{1}{x}$ . Bezakan  $y = \frac{1}{x}$  dengan prinsip pertama. [3 markah]

*A curve is represented by equation  $y = \frac{1}{x}$ . Differentiate from first principles  $y = \frac{1}{x}$ .* [3 marks]

- (b) Seterusnya, cari kecerunan lengkung itu pada titik  $(3, \frac{1}{3})$ . Cari persamaan normal pada titik itu dalam bentuk am.

*Hence, find the gradient of the curve at point  $(3, \frac{1}{3})$ . Find the equation of normal for the point in general form.*

[4 markah]

[4 marks]


Jawapan / Answer:

5. (a) Diberi  $\sin^2\theta + \cos^2\theta = 1$ , buktikan  $\sec^2\theta = 1 + \tan^2\theta$ .  
 Given  $\sin^2\theta + \cos^2\theta = 1$ , proof  $\sec^2\theta = 1 + \tan^2\theta$ .

[2 markah]

[2 marks]

- (b) Rajah 2 menunjukkan graf bagi fungsi  $y = k \sin(x + 60^\circ)$ ,  $0 \leq x \leq 360^\circ$ , dengan keadaan  $k$  ialah pemalar.  
 Diagram 2 shows the graph of function  $y = k \sin(x + 60^\circ)$ ,  $0 \leq x \leq 360^\circ$ , where  $k$  is a constant.



Rajah 2  
 Diagram 2

Graf itu menyalang paksi-y pada  $(0, \sqrt{3})$  dan melalui titik-titik  $(p, 0)$  dan  $(q, 0)$ .

The graph intersects y-axis at  $(0, \sqrt{3})$  and passes through the points  $(p, 0)$  and  $(q, 0)$ .

- (i) Tunjukkan bahawa  $k = 2$ .

Show that  $k = 2$ .

- (ii) Cari nilai bagi  $p$  dan  $q$ .

Find the value of  $p$  and  $q$ .


[6 markah]

[6 marks]

Jawapan / Answer:

6. Rajah 3 menunjukkan sebuah bulatan  $ABCD$  yang mempunyai jejari 10 cm dan berpusat pada titik  $O$ .

*Diagram 3 shows a circle  $ABCD$  that has the radius of 10 cm and with the centre  $O$ .*



Rajah 3  
Diagram 3

Diberi bahawa panjang lengkok minor  $AB$  ialah 14.8 cm dan luas bagi sektor  $ODC$  ialah  $21.8 \text{ cm}^2$ .

*It is given that the length of the minor arc  $AB$  is 14.8 cm and the area of the sector  $ODC$  is  $21.8 \text{ cm}^2$ .*

Cari

*Find*

- (a) dalam radian, bagi sudut  $AOB$ ,  
*in radians, of the angle  $AOB$ ,*

[2 markah]  
[2 marks]

- (b) perimeter, dalam cm, bagi rantau berlorek,  
*perimeter, in cm, of the shaded region,*

[4 markah]  
[4 marks]

- (c) luas, dalam  $\text{cm}^2$ , bagi rantau berlorek.  
*area, in  $\text{cm}^2$ , of the shaded region.*

[3 markah]  
[3 marks]

Jawapan / *Answer:*

7. Dalam suatu projek perumahan, seorang pemaju ingin membina 200 buah rumah jenis kos rendah dan kos sederhana dengan syarat bahawa bagi setiap pembinaan empat buah rumah kos sederhana, sebuah rumah kos rendah mesti dibina. Jadual 1 menunjukkan bilangan rumah dan keuntungan bagi setiap rumah yang dibina.

*In a housing project, a developer wants to build 200 units of low-cost and medium-cost houses with condition that for each construction of four medium-cost houses, one low-cost house must be built. Table 1 shows the number of houses and profits for each constructed house.*

Jenis rumah <i>Type of house</i>		Bilangan rumah dibina <i>Number of houses built</i>	Keuntungan bagi setiap rumah (RM) <i>Profit for each house (RM)</i>
Kos rendah <i>Low-cost</i>		$p$	4000
Kos sederhana <i>Medium-cost</i>	Jenis A/ <i>Type</i> $A$	$q$	16000
	Jenis B/ <i>Type</i> $B$	$r$	20000

Jadual 1  
*Table 1*

Jika pemaju itu ingin memperoleh keuntungan sebanyak RM2.96 juta dari projek tersebut, cari nilai bagi  $p$ ,  $q$  dan  $r$ .

*If the developer wants to make a profit of RM2.96 million from this project, find the values of  $p$ ,  $q$  and  $r$ .*

Jawapan / *Answer*:

[7 markah]

[7 marks]

**Bahagian B**

[30 markah]

*Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab tiga soalan.*

8. Gunakan kertas graf untuk menjawab soalan ini.

*Use the graph paper to answer this question.*

$x$	1	1.6	2	3	3.5	4
$y$	9.55	13.18	18.20	35.48	50.12	77.62

Jadual 2

Table 2

Jadual 2 menunjukkan nilai-nilai bagi dua pemboleh ubah  $x$  dan  $y$ , yang diperolehi daripada suatu eksperimen. Pemboleh ubah  $x$  dan  $y$  dihubungkan oleh persamaan  $y = k^2 h^{x+2}$ , dengan keadaan  $k$  dan  $h$  ialah pemalar.

*Table 2 shows the values of two variable,  $x$  and  $y$ , obtained from an experiment. Variables  $x$  and  $y$  are related by the equation  $y = k^2 h^{x+2}$ , where  $k$  and  $h$  are constants.*

- (a) Plot  $\log_{10} y$  melawan  $x$ , menggunakan skala 2 cm kepada 0.5 unit pada paksi- $x$  dan 2 cm kepada 0.2 unit pada paksi- $\log_{10} y$ .  
Seterusnya, lukis garis lurus penyesuaian terbaik. [4 markah]  
*Plot  $\log_{10} y$  against  $x$ , using a scale of 2 cm to 0.5 unit on the  $x$ -axis and 2 cm to 0.2 unit on the  $\log_{10} y$ -axis.  
Hence, draw the line of best fit. [4 marks]*
- (b) Menggunakan graf di 8(a), cari nilai bagi  
*Using the graph in 8(a), find the value of*  
(i)  $h$   
(ii)  $k$   
(iii)  $y$  apabila  $x = 0.75$   
 $y$  when  $x = 0.75$


[6 markah]

[6 marks]


Jawapan / Answer:








9. Rajah 4 menunjukkan garis lurus  $y = a + x$  yang bersilang dengan lengkung  $y^2 = x + 16$  pada titik A and titik B. Lengkung itu melalui paksi-y pada titik A and titik C. Cari  
 Diagram 4 shows the straight line  $y = a + x$  which intersects the curve  $y^2 = x + 16$  at point A and point B. The curve passes through the y-axis at point A and point C. Find



- (a) nilai  $a$ ,  
 the value of  $a$ , [2 markah] [2 mark]
- (b) koordinat titik B,  
 the coordinates of point B, [2 markah] [2 marks]
- (c) luas kawasan berlorek,  
 the area of the shaded region, [3 markah] [3 marks]
- (d) isipadu janaan, dalam sebutan  $\pi$ , apabila rantau yang dibatasi oleh lengkung  $y^2 = x + 16$  dan paksi-y diputarakan melalui  $180^\circ$  pada paksi-x.  
 the volume generated, in terms of  $\pi$ , when the region bounded by the curve  $y^2 = x + 16$  and y-axis is rotated through  $180^\circ$  about the x-axis. [3 markah] [3 marks]

Jawapan / *Answer*:

10. Rajah 5 menunjukkan trapezium  $OPQR$ . Titik  $S$  berada pada garis  $OQ$ .  
 Diagram 5 shows a trapezium  $OPQR$ .  $S$  is a point on line  $OQ$ .



Rajah 5  
 Diagram 5

Diberi  $\overrightarrow{OP} = \underline{a}$ ,  $\overrightarrow{QP} = \underline{b}$  dan  $OP : RQ = 5 : 4$ .

It is given that  $\overrightarrow{OP} = \underline{a}$ ,  $\overrightarrow{QP} = \underline{b}$  and  $OP : RQ = 5 : 4$ .


- (a) Cadangkan satu nisbah  $QS : QO$  di mana  $P$ ,  $S$  dan  $R$  adalah segaris.  
 Suggest a ratio of  $QS : QO$  such that  $P$ ,  $S$  and  $R$  are collinear.
- (b) Cadangkan satu nisbah  $QS : QO$  di mana  $P$ ,  $S$  dan  $R$  adalah segaris.  
 Suggest a ratio of  $QS : QO$  such that  $P$ ,  $S$  and  $R$  are collinear.

[3 markah]  
 [3 marks]

[7 markah]  
 [7 marks]

Jawapan / *Answer*:

11. (a) Diberi kebarangkalian yang diwakili oleh rantau berlorek dalam graf taburan normal adalah 0.5793.  
*Given the probability of a standard normal distribution graph represented by the shaded region is 0.57932.*



Cari / Find

- (a) (i) nilai  $k$ .  
*the value of  $k$ .*

[3 markah]

[3 marks]

- (ii)  $X$  adalah pemboleh ubah rawak selanjar yang bertaburan secara normal dengan min  $\mu$  dan varians 16. Cari nilai min jika skor-z bagi  $X = 52.5$  ialah 1.94 .

*$X$  is a continuous random variable that is normally distributed with mean  $\mu$  and variance 16. Find the value of  $\mu$  if the z-score for  $X=52.5$  is 1.94.*

[2 markah]

[2 marks]

- (b) Jangka hayat sebuah telefon bimbit adalah bertaburan normal dengan min 3.5 tahun dan varian 2.25 tahun.

*The life span of a handphone is normally distributed with mean 3.5 years and variance 2.25 years.*

- (i) Jika sebuah telefon bimbit dipilih secara rawak, cari kebarangkalian bahawa jangka hayatnya ialah di antara 2.9 tahun dengan 3.4 tahun

*If a handphone is chosen at random, find the probability that the life is between 2.9 years and 3.4 years.*

[2 markah]

[2 marks]

- (ii) Jika 88.6% telefon bimbit yang mempunyai jangka hayat lebih daripada  $t$  tahun adalah berharga lebih daripada RM 2500, cari nilai  $t$ .

*If 88.6% of the handphone which have a life span of more than  $t$  years cost more than RM2500, find the value of  $t$ .*

[3 markah]

[3 marks]

Jawapan / *Answer*:

**Bahagian C**

[20 markah]

Bahagian ini mengandungi **empat** soalan. Jawab **dua** soalan.

12. Jadual 3 menunjukkan perbelanjaan bulanan bagi keluarga Mark.

*Table 3 shows the monthly expenditure of Mark's family.*

Kategori <i>Category</i>	Perbelanjaan sebulan (RM) <i>Monthly expenditure (RM)</i>		Indeks harga pada tahun 2021 <i>Price index in the year 2021 (2020 = 100)</i>	Pemberat <i>Weightage</i>
	2020	2021		
Makanan / <i>Food</i>	900	1035	$z$	8
Pengangkutan / <i>Transport</i>	450	$y$	125	$w$
Sewa / <i>Rental</i>	1500	1800	120	10
Hiburan / <i>Entertainment</i>	$x$	500	95	4

Jadual 3

Table 3

Diberi bahawa indeks gubahan pada tahun 2021 berasaskan tahun 2020 ialah 116.07.

*It is given that the composite index in the year 2021 based on 2020 is 116.07.*

- (a) Cari nilai-nilai  $w$ ,  $x$ ,  $y$  dan  $z$ . [5 markah]  
*Find the values of  $w$ ,  $x$ ,  $y$  and  $z$ .* [5 marks]

- (b) Perbelanjaan bagi makanan berkurang sebanyak 10%, pengangkutan meningkat sebanyak 10%, sewa bertambah sebanyak RM60 dan hiburan tidak berubah dari tahun 2021 ke tahun 2022. Hitungkan indeks gubahan perbelanjaan bulanan keluarga Mark pada tahun 2022 berasaskan tahun 2020.

[3 markah]

*The expenditure for food decreases by 10%, transport increase by 10%, rental increases by RM60 and entertainment remains unchanged from the year 2021 to the year 2022. Calculate the composite index of the monthly expenditure of Mark's family in the year 2022 based on the year 2020.*

[3 marks]

- (c) Jika gaji bulanan Mark pada tahun 2022 ialah RM6000, cari simpanan tahunan Mark pada tahun 2022.

[2 markah]


*If Mark's monthly salary in the year 2022 is RM6000, find the annual saving of Mark in the year 2022.*

[2 marks]



Jawapan / *Answer*:

13.



Rajah 6  
Diagram 6

Rajah 6 di atas menunjukkan garis lurus AB yang berjarak 160 m. John memandu sebuah kereta dan melalui titik A dengan halaju,  $v \text{ m s}^{-1}$ , iaitu diberi  $v = 20 + 16t - 4t^2$ , di mana  $t$  ialah masa, dalam saat, selepas kereta melalui titik A. John berhenti sementara di titik C. Cari

*Diagram 6 above shows the straight line AB with a distance of 160 m. John drives a car and pass through point A with a velocity,  $v \text{ m s}^{-1}$ , that is given by  $v = 20 + 16t - 4t^2$ , where  $t$  is the time, in second, after the car passes through point A. John stops instantaneously at point C. Find*

- (a) Halaju maximum,  $\text{ms}^{-1}$ , kereta apabila kereta bergerak ke kanan.  
*the maximum velocity,  $\text{ms}^{-1}$ , of the car when it moves to the right.* [3 markah]  
[3 marks]
- (b) Jarak, dalam m, titik C dari titik B  
*The distance, in m, of point C from point B.* [4 markah]  
[4 marks]
- (c) Jumlah jarak yang dilalui oleh kereta dalam 7 s yang pertama.  
*The total distance travelled by the car in the first 7 s.* [3 markah]  
[3 marks]

Jawapan / *Answer*:

14. Martina dan Carl adalah sebahagian daripada pasukan yang mengkaji corak cuaca. Pasukan itu akan melancarkan belon cuaca untuk mengumpul data. Tali Martina adalah 7.8 m panjang dan membuat sudut  $36.0^\circ$  dengan tanah. Tali Carl adalah 5.9 m panjang. Dengan mengandaikan bahawa Martina dan Carl membentuk segi tiga dalam satah menegak dengan belon cuaca,

*Martina and Carl are part of a team that is studying weather patterns. The team is about to launch a weather balloon to collect data. Martina's rope is 7.8 m long and makes an angle of  $36.0^\circ$  with the ground. Carl's rope is 5.9 m long. Assuming that Martina and Carl form a triangle in a vertical plane with the weather balloon,*

- (a) Tentukan sama ada kes berambiguiti wujud untuk segi tiga yang terbentuk. terangkan jawapan anda. [3 markah]  
*Determine whether ambiguous case exists for the triangle formed. Explain your answer.* [3 marks]

- (b) Cari jarak antara Martina dan Carl, kepada meter yang terdekat.  
*Find the distance between Martina and Carl, to the nearest metre.*

[7 markah]  
[7 marks]

Jawapan / Answer:

15. SMK Bunga Tanjung menganjurkan Bengkel Skor-A SPM untuk mata pelajaran Matematik dan Matematik Tambahan. Terdapat  $x$  orang peserta Matematik dan  $y$  orang peserta Matematik Tambahan dalam bengkel tersebut. Yuran pendaftaran untuk mata pelajaran Matematik dan Matematik Tambahan masing-masing ialah RM60 dan RM80. Pengambilan peserta bengkel tersebut mestilah berdasarkan kekangan yang berikut.

*SMK Bunga Tanjung is organizing an SPM Score-A Workshop of Mathematics and Additional Mathematics. There are  $x$  participants for Mathematics and  $y$  participants for Additional Mathematics. The registration fee for each Mathematics and Additional Mathematics participant are RM60 and RM80 respectively. The enrolment is based on the following constraints.*

I Jumlah peserta adalah kurang daripada 180.

*The total number of participants is less than 180.*

II Bilang peserta Matematik adalah sekurang-kurangnya 60% daripada Matematik Tambahan.

*The number of Mathematics participants is at least 60% of Additional Mathematics participants.*

III Yuran pendaftaran minimum yang dikutip ialah RM6000.

*The minimum total fees collected is RM6000.*

- (a) Tulis tiga ketaksamaan, selain daripada  $x \geq 0$  dan  $y \geq 0$ , yang memuaskan semua kekangan di atas.

[3 markah]

*Write three inequalities, other than  $x \geq 0$  and  $y \geq 0$ , which satisfy the above constraints.*

[3 marks]

- (b) Dengan menggunakan skala 2 cm kepada 10 orang peserta pada kedua-dua paksi, bina dan lorekkan rantau  $R$  yang memenuhi semua kekangan di atas.

[3 markah]

*By using a scale of 2 cm to 10 participants on both axes, construct and shade the region  $R$  which satisfies all the above constraints.*

[3 marks]

- (c) Berdasarkan graf yang dibina di (b), cari

*Based on the graph constructed in (b), find*


- (i) Bilangan maksimum untuk peserta Matematik jika bilangan peserta untuk Matematik Tambahan ialah 80 orang,  
*the maximum number of Mathematics participants if there are 80 participants for Additional Mathematics,*

- (ii) yuran pendaftaran maksimum yang dikutip.  
*the maximum total fees collected.*

[4 markah]

[4 marks]

Jawapan / *Answer*:



**KERTAS SOALAN TAMAT  
END OF QUESTION PAPER**



# **KERTAS MODEL SET 2**



NO. KAD PENGENALAN       -   -

KERTAS

2

ANGKA GILIRAN

MODEL

**MODEL SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**

**ADDITIONAL MATHEMATICS**

**3472/1**

**Kertas 1**

**2 jam**

**Dua jam**

1. Kertas peperiksaan ini adalah dalam dwibahasa.
2. Soalan dalam bahasa Melayu mendahului soalan yang sepadan dalam bahasa Inggeris.

**MAKLUMAT UNTUK CALON  
INFORMATION FOR CANDIDATES**


1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **15** soalan.  
*This question paper consists of 15 questions.*
2. Jawab **semua** soalan dalam **Bahagian A** dan mana-mana **dua** soalan daripada **Bahagian B**.  
*Answer all the questions in Section A and any two questions from Section B.*
3. Tulis jawapan anda dalam ruang yang disediakan dalam kertas peperiksaan.  
*Write your answer in the spaces provided in the question paper.*
4. Tunjukkan langkah-langkah penting dalam kerja mengira anda. Ini boleh membantu anda mendapatkan markah.  
*Show your working. It may help you to get marks.*
5. Rajah yang mengiringi soalan tidak dilukis mengikut skala kecuali dinyatakan.  
*The diagrams provided in the questions are not drawn to scale unless stated.*
6. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.  
*You may use a scientific calculator.*

<i>Untuk Kegunaan Pemeriksa</i>			
<b>Kod Pemeriksa:</b>			
<b>Bahagian</b>	<b>Soalan</b>	<b>Markah Penuh</b>	<b>Markah diperoleh</b>
<b>A</b>	<b>1</b>	2	
	<b>2</b>	4	
	<b>3</b>	5	
	<b>4</b>	5	
	<b>5</b>	5	
	<b>6</b>	5	
	<b>7</b>	6	
	<b>8</b>	6	
	<b>9</b>	6	
	<b>10</b>	6	
	<b>11</b>	7	
	<b>12</b>	7	
<b>B</b>	<b>13</b>	8	
	<b>14</b>	8	
	<b>15</b>	8	
<b>Jumlah</b>		<b>80</b>	

**PRAKTIS MATEMATIK TAMBAHAN 3472/1**  
**SET 2 KERTAS 1**

**Bahagian A**  
[64 markah]  
Jawab **semua** soalan

1. (a) Rajah 1(a) menunjukkan dua situasi yang melibatkan pemboleh ubah rawak.  
*Diagram 1(a) shows two situations that involve random variables.*



Rajah 1(a)  
*Diagram 1(a)*

Nyatakan data dalam situasi yang manakah melibatkan pemboleh ubah rawak selanjar. Berikan justifikasi anda. [1 markah]  
*State which of the situation that its data involved the continuous random variable. Give your justification. [1 mark]*

- (b) Rajah 1(b) menunjukkan sebuah graf taburan normal.  
*Diagram 1(b) shows a normal distribution graph.*



Rajah 1(b)  
*Diagram 1(b)*

Diberi bahawa  $\mu$  ialah min bagi taburan normal ini dan  $h < \mu < k$ , lorekkan pada Rajah 1(b) bagi rantau-rantau mewakili  $P(X < h) + P(\mu < X < k)$ .

[1 markah]

*Given that the  $\mu$  is the mean of the normal distribution and  $h < \mu < k$ , shade on Diagram 1(b) for the region that represents  $P(X < h) + P(\mu < X < k)$ .*

[1 mark]


Jawapan / Answer:

2. Diberi tiga sebutan pertama suatu jangjang geometri ialah 96, 24, 6, ...  
*Given the first three terms of a geometric progression are 96, 24, 6, ...*
- (a) Cari nisbah sepunya. [1 markah]  
*Find the common ratio.* [1 mark]
- (b) Jika sebutan terakhir jangjang ialah 0.09375, cari hasil tambah semua sebutan. [3 markah]  
*If the last term of the progression is 0.09375, find the sum of all the terms.* [3 marks]
- Jawapan / Answer:

3. (a) Diberi bahawa  $-1$  ialah satu daripada punca persamaan kuadratik  $x^2 - 4x - p = 0$ .  
Cari nilai  $p$ . [2 markah]  
*It is given that  $-1$  is one of the roots of the quadratic equation  $x^2 - 4x - p = 0$ .  
Find the value of  $p$ .* [2 marks]
- (b) Diberi bahawa  $-3$  dan  $\beta$  ialah punca-punca satu persamaan kuadratik. Bentukkan persamaan kuadratik itu dalam sebutan  $\beta$ . Seterusnya, cari nilai  $\beta$  jika hasil darab dua punca itu adalah sama dengan hasil tambah dua punca itu. [3 markah]  
*Given that  $-3$  and  $\beta$  are the roots of a quadratic equation. Form the quadratic equation in term of  $\beta$ . Hence, find the value of  $\beta$  if the product of the two roots is equal to the sum of the two roots.* [3 marks]

Jawapan / Answer:

4. Rajah 2 menunjukkan titik  $O, A$  dan  $B$  yang membentuk suatu sektor bulatan yang berpusat pada titik  $O$ .  
 Diagram 2 shows the points  $O, A$  and  $B$  that forms a sector of a circle with the centre at point  $O$ .



Rajah 2  
 Diagram 2

Diberi bahawa garis lurus  $OA$  adalah berserenjang dengan garis  $BC$  pada titik  $C$  dan titik  $C$  membahagi garis lurus  $OA$  dalam nisbah 3:2.  
 It is given that straight line  $OA$  is perpendicular with the straight line  $BC$  at point  $C$  and the point  $C$  divides the straight line  $OA$  in the ratio of 3:2.

Cari  
 Find

[Guna/ Use  $\pi = 3.142$ ]

- (a)  $\angle AOB$ , dalam radian,  
 $\angle AOB$ , in radians,


[2 markah]  
 [2 marks]

- (b) luas, dalam  $\text{units}^2$ , bagi rantau berlerek.  
 area, in  $\text{units}^2$ , in the shaded region.


[3 markah]  
 [3 marks]

Jawapan / *Answer*:

5. (a) Rajah 3(a) menunjukkan lengkung  $y = 2x^2 - 5x$ . Rajah 3(b) menunjukkan graf garis lurus yang diperoleh apabila  $y = 2x^2 - 5x$  diungkapkan dalam bentuk linear  $Y = mX - 5$ .  
 Diagram 3(a) shows the curve of  $y = 2x^2 - 5x$ . Diagram 3(b) shows the straight-line graph obtained when  $y = 2x^2 - 5x$  is expressed in linear form  $Y = mX - 5$ .



Rajah 3(a)  
Diagram 3(a)



Rajah 3(b)  
Diagram 3(b)

- (i) Nyatakan nilai  $m$ .  
 State the value of  $m$ .  
 (ii) Ungkapkan  $Y$  dan  $X$  dalam sebutan  $x$  dan/ atau  $y$ .  
 Express  $Y$  and  $X$  in terms of  $x$  and/or  $y$ .

[2 markah]  
[2 marks]

- (b) Graf  $x^2 y$  lawan  $x$  ialah satu garis lurus yang melalui titik  $(-2, 1)$  and  $(4, 10)$ . Cari nilai  $x$  apabila  $y = \frac{7}{x^2}$ . [3 markah]

The graph  $x^2 y$  against  $x$  is a straight line passing through the points  $(-2, 1)$  and  $(4, 10)$ .

Find the value of  $x$  when  $y = \frac{7}{x^2}$ .

[3 marks]



Jawapan / *Answer*:

6. (a) Jacqueline telah membeli 7 anak patung hiasan untuk dipamerkan. Oleh kerana ruang yang terhad, dia hanya boleh menyusun 5 anak patung dalam bulatan. Tentukan bilangan cara Jacqueline boleh menyusun anak patung itu. [2 markah]  
*Jacqueline bought 7 decorative dolls for display. Due to the limited space, she can only arrange 5 dolls in a circle. Determine the number of ways in which Jacqueline can arrange the dolls.* [2 marks]
- (b) Ali, Mary, Fatimah, Emma, Fatin dan Gopal telah menghadiri satu majlis jamuan dan mereka ingin duduk di satu meja bulat yang sama.  
*Ali, Mary, Fatimah, Emma, Fatin and Gopal have attended a banquet and they want to sit at the same round table.*  
 Carikan bilangan cara susunan jika  
*Find the number of ways the arrangement if*
- (i) Fatimah dan Fatin mesti duduk bersebelahan  
*Fatimah and Fatin must sit side by side*
- (ii) Fatimah dan Fatin mesti duduk berpisah  
*Fatimah and Fatin must sit apart*

[3 markah]

[3 marks]

Jawapan / Answer:

7. (a) (i) Tunjukkan  ${}^n C_{n+1}$  tidak wujud.

*Show that  ${}^n C_{n+1}$  does not exist.*

(ii) Jika  ${}^x C_{x-1} = 100$ , tentukan nilai  $x$ .

*If  ${}^x C_{x-1} = 100$ , determine the value of  $x$ .*

[4 markah]

[4 marks]

(b) Pasukan badminton SMK Cempaka terdiri daripada 7 orang pemain lelaki dan 8 orang pemain perempuan. Guru pembimbing pasukan badminton ingin memilih dua pasangan pemain beregu campuran yang terbaik untuk menyertai pertandingan peringkat daerah yang bakal berlangsung. Oleh itu, satu pertandingan pemilihan akan diadakan.

*Badminton team of SMK Cempaka consists of 7 male players and 8 female players. The coach of the badminton team wants to select two pairs of best mixed-doubles players to participate in the upcoming district level competition. Therefore, a selection competition will be held.*

Cari bilangan cara untuk memilih pemain tersebut

*Find the number of ways that the players can be selected.*


[2 markah]

[2 marks]

